

09 OCT 1999

KEMENTERIAN PERTANIAN SEDIA PELBAGAI PROGRAM LAKSANA DPN2

JERTIH, 9 Okt (Bernama) -- Semua agensi di bawah Kementerian Pertanian kini giat menyiapkan pelbagai program bagi menyegerakan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2).

Timbalan Menteri Pertanian Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor berkata antara program yang sedang disiapkan termasuk menambah sumber pengeluaran ikan, ternakan di ladang kelapa sawit dan meningkatkan pengeluaran padi dengan melibatkan penyertaan sektor swasta terutama di Sabah dan Sarawak.

Usaha itu selaras dengan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu menjadikan negara sebagai sebuah negara pengeluar utama makanan dunia, katanya selepas merasmikan Gelanggang tomoi dan silat di Kampung Gong Nangka dekat sini semalam.

Beliau berkata program itu juga turut memberi tumpuan kepada pelbagai aspek pemprosesan makanan, pembungkusan serta pemasaran yang lebih strategik bagi kepentingan para petani, penternak dan nelayan.

Tengku Mahmud berkata pada masa ini banyak teknologi pengeluaran yang telah diperkenalkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para petani.

Oleh itu katanya konsep payung akan dilaksanakan menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) supaya teknologi yang dihasilkan oleh Mardi dapat digunapakai kepada para petani.

-- BERNAMA

ND RON